

02 JUN 2001

Daim-Korporat

PELETAKAN JAWATAN OLEH DAIM MENIMBULKAN PELBAGAI REAKSI KORPORAT

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Peletakan jawatan oleh Tun Daim Zainuddin, tokoh perniagaan yang dibawa masuk oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelamatkan negara daripada krisis kewangan pada 1998, menerima pelbagai reaksi daripada sektor korporat.

Daim mengemukakan surat peletakan jawatannya semalam selepas dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi kali kedua pada Januari 1999 apabila Perdana Menteri meminta beliau membantunya dalam usaha memulihkan ekonomi. Kali pertama beliau memegang jawatan itu ialah dari Jun 1984 ke Mac 1991.

Sebagai orang yang paling berpengaruh dalam dunia perniagaan bukan sahaja sebagai Menteri Kewangan tetapi juga sebagai seorang usahawan yang berjaya dan disegani, tindakan Daim itu pasti membawa kesan kepada pasaran saham dan sektor korporat.

Beberapa daripada tokoh perniagaan berkata kerajaan kehilangan seorang Menteri yang serba berkebolehan dengan pemahaman yang baik dalam isu-isu perniagaan dan ekonomi.

"Kami mendapat banyak manfaat daripada pendekatan tegas beliau semasa dilog belanjawan tahunan," kata seorang daripada mereka yang tidak mahu namanya disiarkan.

Dialog-dialog belanjawaan diadakan tiga atau empat bulan sebelum belanjawan negara dibentangkan di Parlimen untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor perniagaan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan sosial dan golongan akademik.

Seorang lagi pengusaha berkata, kelebihan pada Daim ialah beliau memahami cara kerja dunia perniagaan dan ini pula memanfaatkan kerajaan.

"Pasaran saham mungkin meningkat," kata satu sumber broker saham merujuk kepada sensitiviti pasaran ekuiti kepada perkembangan seperti ini.

Ditanya mengapa beliau berpendapat demikian, beliau berkata Daim sememangnya mempunyai pengaruh kuat dalam pasaran saham.

Seorang lagi sumber broker saham berkata mungkin berlaku penarafan semula beberapa syarikat oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa ekoran pengunduran Daim.

Di bawah Daim, ekonomi Malaysia yang menguncup 7.4 peratus pada 1998, pulih kembali pada 1999 dengan pertumbuhan 5.8 peratus dan 8.5 peratus tahun lepas. Pertumbuhan tahun ini bagi Malaysia diramalkan antara 5.0 dan 6.0 peratus memandangkan kegawatan di Amerika Syarikat.

Walaupun Perdana Menteri tidak memberitahu sebab mengapa Daim memutuskan untuk meletakkan jawatan, tetapi telah lama wujud pelbagai spekulasi antaranya Perdana Menteri dan Daim tidak lagi sehaluan dalam dasar-dasar tertentu. Bagaimanapun kedua-dua orang itu menafikan hal itu.

Daim juga dikedam kerana usaha menyelamatkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dengan ada pihak menganggap usaha itu adalah untuk menyelamatkan orang tertentu.

Bagaimanapun Daim tetap diiktiraf sebagai orang yang banyak bertanggungjawab menyelamatkan Malaysia daripada kegawatan yang melanda negara pada pertengahan 80-an dan dua tahun lepas.

Daim kali terakhir mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai Menteri Kewangan di mesyuarat Bank Pembangunan Asia di Hawaii lebih kurang sebulan lepas.

Walaupun Dr Mahathir tidak menyatakan siapa yang akan mengambil alih daripada Daim, beberapa nama sudahpun mula dikatakan. Mereka termasuk seorang Menteri Kabinet, seorang Menteri Besar dan seorang bekas pegawai

Bank Negara.

Buat masa ini, Datuk Nazri Abdul Aziz, Menteri Pembangunan Usahawan memangku jawatan Menteri Kewangan.

Sejak Daim mengambil cuti dua bulan bermula April lepas, timbul desas-desus yang beliau akan meletakkan jawatan dengan khabar angin itu semakin heboh sejak beberapa hari lepas.

Sehingga lewat semalam, beberapa daripada rakan beliau percaya yang Daim akan terus bersama kerajaan tetapi Daim telahpun menghulurkan surat peletakkan jawatannya semalam.

-- BERNAMA

SHY PR